



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan
(Pindaan) 1985**

DR.11/1985

RANG UNDAH-UNDAH

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDAH-UNDAH oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1985.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "mati" dalam tafsiran "gaji yang akhir di terima" perkataan-perkataan "atau dalam hal persaraan di bawah seksyen 13 (2) gaji hakiki bulanan sebenarnya yang akhir diterima yang dibayar kepadanya oleh pertubuhan itu semasa dia menikmati terma dan syarat yang sama seperti di dalam Skim Baru".

Pindaan seksyen 2.
Akta 239.

3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas nombor "10" dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan "atau di bawah seksyen 13".

Pindaan seksyen 5.

4. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "atau" dalam perenggan (d) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan "perubatan" perkataan-perkataan "atau di bawah seksyen 13".

Pindaan seksyen 7.

D. R. No.

2 RANG UNDAH-UNDAH

Pindaan
seksyen 8.

5. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

“(1A) Pertubuhan di mana seseorang pekerja berpencen dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan di bawah seksyen 13 (2) hendaklah membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut kadar sebanyak tujuh belas setengah peratus daripada gaji bulanan pekerja itu berkenaan dengan setiap orang pekerja berpencen semasa dia menikmati terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru.”.

Pindaan
seksyen 9.

6. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang ada sebagai subseksyen (1);

(b) dengan memasukkan perkataan “atau” selepas koma bertitik dalam perenggan (b);

(c) dengan menggantikan koma bertitik dalam perenggan (c) dengan noktah dan dengan memotong perkataan “atau”;

(d) dengan memotong perenggan (d); dan

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen baru (2) yang berikut:

“(2) Seseorang pekerja berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah jika dia bersara di bawah seksyen 13.”.

Pindaan
seksyen 13.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan yang berikut:

“Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan 13. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), jika seseorang pekerja berpencen yang berumur kurang daripada empat puluh lima tahun bagi perkerja perempuan atau berumur lima puluh lima tahun bagi pekerja lelaki dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan, walau bagaimana jua cara ianya ditubuhkan dan sama ada atau tidak

Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan di dalamnya, sama ada secara langsung atau sebaliknya, atau dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa yang mana Kerajaan menjadi anggota, dia boleh disifatkan telah bersara dari perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan pada tarikh dia meninggalkan pihak berkuasa itu, dan pekerja itu, jika sekiranya dia mati sebelum mencapai umur lima puluh tahun atau empat puluh lima tahun, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, bagi maksud seksyen 15, disifatkan telah mati dalam perkhidmatan.

(2) Jika seseorang pekerja berpencen yang berumur kurang daripada empat puluh lima tahun bagi pekerja perempuan dan lima puluh tahun bagi pekerja lelaki dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru, apa-apa tempoh perkhidmatan tersebut mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru dengan pertubuhan itu boleh dimasukirakan bagi maksud memberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada pekerja itu.

(3) Seseorang pekerja berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur empat puluh lima tahun bagi pekerja perempuan atau lima puluh tahun bagi pekerja lelaki dan telah berkhidmat dalam pertubuhan atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa yang dia dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan selama tempoh tidak kurang dari lima tahun daripada tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan atau sehingga dia berumur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun, mengikut mana yang berkenaan, mengikut mana yang terdahulu.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3), jika perkhidmatan pekerja itu ditamatkan oleh pertubuhan atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa di mana dia dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan atas sebab-sebab pengurangan pekerja-pekerja atau sakit, atau jika kontrak tidak diperbaharui berkenaan dengan perlantikannya dalam pertubuhan antarabangsa itu, dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

2. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan gaji yang akhir diterima oleh seseorang pekerja yang bersara di bawah seksyen 13 (2) jika terma dan syarat perkhidmatannya adalah sama seperti yang terdapat di dalam Skim Baru itu.

3. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa pencen minimum sebanyak satu per lima daripada gaji yang akhir diterima oleh pekerja dalam hal persaraan di bawah seksyen 13.

4. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa bagi maksud persaraan di bawah seksyen 13, seseorang pekerja tetap dan telah disahkan adalah disifatkan menjadi pekerja berpencen sebelum dia genap sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira.

5. *Fasal 5* memperuntukkan bahawa dalam hal seseorang pekerja berpencen yang dilantik untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat di dalam Skim Baru, pertubuhan itu hendaklah membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Disatukan pada kadar 17½% daripada gaji bulanan pekerja semasa dia menikmati terma dan syarat perkhidmatan seperti yang terdapat di dalam Skim Baru.

6. *Fasal 6* memperuntukkan bahawa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah boleh juga diberi kepada pekerja berpencen jika dia bersara di bawah seksyen 13.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 13 supaya membolehkan Kerajaan melantik mana-mana pekerja berpencen yang belum mencapai umur pilihan untuk bersara supaya berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan di mana perkhidmatan pekerja itu diperlukan. Ianya juga memperuntukkan bahawa tempoh perkhidmatan dengan pertubuhan itu mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti dalam Skim Baru boleh dimasukira bagi maksud

pencen, ganjaran atau lain-lain faedah. Seseorang pekerja berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur empat-puluh lima tahun bagi pekerja perempuan atau lima puluh tahun bagi pekerja lelaki jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan selama tempoh lima tahun dari tarikh dia meninggalkan pihak berkuasa berkanun atau tempatan atau sehingga berumur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun, mengikut mana yang berkenaan, mengikut mana yang terdahulu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1310.]